946/1 **STPM**

SMK SULTAN ABDUL JALIL, KLUANG

UJIAN PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN 1/2023
PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS 1
(1 Jam 45 Minit)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

*Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A*

*Jawab soalan **11** dalam Bahagian B*

*Jawab soalan 12 atau **13** dalam Bahagian B*

*Anda boleh menjawab kedua-dua soalan, iaitu **12** dan **13** tetapi hanya **satu** jawapan yang pertama akan diperiksa.*

Kertas soalan ini terdiri daripada lima halaman bercetak

Bahagian A

(50 markah)

*Jawab **semua** soalan.*

1. Jelaskan **dua** perbezaan antara organisasi perniagaan dengan organisasi bukan perniagaan. [4]
2. Huraikan tahap perniagaan dari perspektif yang berikut

    a) Huluan [2]
    b) Domestik [2]
    c) Primer [2]
3. Huraikan hubungkait jabatan pengeluaran dengan jabatan sumber manusia. [4]
4. Nyatakan **empat** alat kawalan kualiti. [4]
5. Senaraikan Langkah-langkah penyelidikan pemasaran. [4]
6. Lakarkan dan terangkan secara ringkas Matriks BCG . [6]
7. Huraikan **tiga** jenis promosi jualan. [6]
8. Jelaskan **dua** jenis risiko yang terdapat dalam pengurusan risiko. [6]
9. Huraikan **tiga** kaedah menentukan keperluan sumber manuasia. [6]
10. Nyatakan proses pengambilan pekerja. [4]

Bahagian A

(50 markah)

*Jawab **semua** soalan.*

1. Jelaskan **dua** perbezaan antara organisasi perniagaan dengan organisasi bukan perniagaan. [4]

   Jawapan:

   Dua perbezaan antara organisasi perniagaan dengan organisasi bukan perniagaan.

Aspek	Organisasi Perniagaan	Organisasi Bukan Perniagaan.
Perundangan (Penubuhan atau pendaftaran)	Ditubuhkan atau tertakluk dibawah akta syarikat 1965	Ditubuhkan atau tertakluk dibawah akta pertubuhan 1966
Sumber Kewangan	Pelabur, pemodal, keuntungan, pinjaman atau simpan peribadi	Yuran ahli, sumbangan masyarakat atau geran kerajaan
Pendaftaran Organisasi	Didaftarkan di pendaftar syarikat	Didaftarkan di pendaftar pertubuhan
Aktiviti utama	Penjualan dan penghasilan atau pengeluaran barang dan perkhidmatan	Bercorak kemasyarakatan , rekreasi, aktiviti ssosial(penajaan Pendidikan) atau aktiviti sukarela
Matlamat atau tujuan	Bermotifkan keuntungan	Bermotifkan kebajikan ahli
percukaian	Dikenakan cukai	Tidak dikenakan cukai
(Jawab mana-mana 2 diatas [1F+1H= 2 x 2m = 4m]		

2. Huraikan tahap perniagaan dari perspektif yang berikut

   a) Huluan [2]
   b) Domestik [2]
   c) Primer [2]

Jawapan: tahap perniagaan dari perspektif yang berikut

   a. Huluan [2]
      - Merujuk Kepada aktiviti perniagaan atau perusahaan yang berlaku dahulu sebelum perniagaan lain dapat dijalan.
      - perniagaan yang terlibat dalam mengeluarkan bahan mentah atau separuh siap yang menjadi input kepada perniagaan hiliran.

b. Domestik [2]

- merujuk kepada perniagaan yang beroperasai didalam sesebuah negara dan menggunakan matawang tempatan sahaja.
- Produk yang dihasilkan adalah untuk pasaran tempatan sahaja.
- Tiada cukai asing yang dikenakan kerana perniagaan menjual keluaran kepada penduduk tempatan.

d. Primer [2]

- Merujuk kepada aktiviti pengeluaran bahan mentah dari sumber semulajadi tanpa mengubah bentuk asalnya untuk proses pengeluaran selanjutnya.
- Contoh perniagaan tahap primer ialah pembalakan, perikanan, perlombongan dan lain-lain.
-

3. Huraikan hubungkait jabatan pengeluaran dengan jabatan sumber manusia. [4]

Jawapan:

Hubungkait jabatan pengeluaran dengan jabatan sumber manusia ialah

- Jabatan pengeluaran membuat unjuran keperluan sumber manusia kepada jabatan sumber manusia. [1]
- Jabatan pengeluaran memaklumkan kepada jabatan sumber manusia apabila berlaku pemecatan pekerja atau pengurangan pekerja dalam bilangan pekerja.[1]
- Jabatan sumber manusia memberi maklumat kebersediaan sumber manuasia organisasi kepada jabatan pengeluaran untuk merancang sebarang program jabatan.[1]
- Jabatan sumber manusia merekrut, membuat pilihan dan mengadakan program orientasi dan lain-lain yang berkaitan dengan Jabatan sumber manusia.[1]

(4H x 1M = 4M)

4. Nyatakan **empat** alat kawalan kualiti. [4]

Jawapan:

Empat alat kawalan kualiti ialah:

1. Kawalan proses secara statistic. [1]
2. Analisis nilai tambah. [1]
3. Carta kawalan. [1]
4. Kajian kualiti /Kos. {1]
5. Pasukan penambahbaikan kualiti. [1]
6. Penanda Aras. [1]

(mana-mana 4F x 1M = 4M)

5. Senaraikan Langkah-langkah penyelidikan pemasaran. [4]
Jawapan:

-Langkah-langkah penyelidikan pemasaran ialah:

1. Mengenalpasti masalah dan menetapkan objektif penyelidikan. [1]


2. Membentuk rancangan penyelidikan.[1]

3.Melaksanakan penyelidikan dan menganalisis data.[1]

4.Menginterpretasikan data dan melaporkan penemuan.[1]

(4F x 1M = 4M)

6. Lakarkan dan terangkan secara ringkas Matriks BCG . [6]



1.Kuadran Bintang
• Kadar pertumbuhan pasaran tinggi (1m) dan syer pasaran relatif tinggi (1m)
2. Kuadran Tanda Tanya
• Kadar pertumbuhan pasaran tinggi (1m) dan syer pasaran relatif rendah (1m)
3. Kuadran Lembu Kontan
• Kadar pertumbuhan pasaran rendah (1m) dan syer pasaran relatif tinggi (1m)
4. Kuadran Anjing
• Kadar pertumbuhan pasaran rendah (1m) dan syer pasaran relatif rendah[1]
(Rajah lengkap 2 markah dan penerangan 1 markah setiap kuadran 2M + 1M X 4H = 6M)

10. Nyatakan proses pengambilan pekerja. [4]

Jawapan:

- Proses pengambilan sumber manusia:

1. Merekrut(menarik minat)
2. Pemilihan
3. Penawaran pekerja
4. Mengadakan program induksi

Jawab satu soalan sahaja.

12. Jelaskan prinsip-prinsip insurans. [20]

ATAU

Jelaskan **lima** cabaran pengurusan sumber manusia. [20]

SKEMA JAWAPAN

12. Jelaskan prinsip-prinsip insurans [20]

Prinsip insurans terdiri daripada:

a. Prinsip gantirugi[1]

- Merujuk kepada pemberian ganti rugi atau pampasan mengikut nilai lindungan atau nilai kerugian yang dialami sahaja.[1]
- Prinsip ini bertujuan memulihkan si diinsurans kepada keadaan asal sahaja dan menghalangnya atau mana-mana individu memperolehi keuntungan terhadap risiko yang dilindungi atau diinsuranskan.[1]
- Syarikat insurans mempunyai hak ke atas harta pemegang polisi insurans.[1]
- Menurut prinsip ini, jumlah ganti rugi yang dibayar adalah nilai terendah antara nilai lindungan iaitu had pampasan dengan nilai kerugian sebenar yang dialami.[1]
- Tiga prinsip tambahan ialah prinsip caruman, sabrogasi dan limpah.[1]
- Jika nilai kerugian adalah lebih rendah daripada nilai lindungan, maka pampasan atau ganti rugi akan dibayar mengikut nilai kerugian sebenar sahaja.[1] Sebaliknya, jika nilai kerugian melebihi nilai lindungan, maka ganti rugi akan dibayar mengikut nilai lindungan.[1]

- Prinsip ganti rugi tidak diaplikasikan untuk insurans nyawa dan kemalangan kerana nyawa manusia tidak boleh dinilaikan dengan wang ringgit.[1]
- Contoh:

Fauzi menginsuranskan keretanya terhadap kemalangan dengan nilai RM20 000. Fauzi mengalami kemalangan, dan nilai kerugian yang ditanggungnya berjumlah RM15 000. Penginsurans hanya membayar RM15 000 sebagai ganti rugi kepada Fauzi atau pihak yang membaiki keretanya. Tetapi, sekiranya kerugian yang dialaminya aadalah RM25 000, maka penginsurans hanya membayar amaun setakat yang diinsuranskan iaitu RM20 000.[1]

b. Prinsip Doktrin Punca Terdekat[1]

- Prinsip ini memberi perlindungan bagi kerugian yang dialami atas risiko yang diinsuranskan sahaja.[1]
- Kerugian yang berlaku bukan daripada risiko yang diinsuranskan tidak akan dibayar ganti rugi.[1]
- Contoh:

Jika rumah dinsuranskan daripada risiko kebakaran sahaja, maka kerugian yang disebabkan oleh banjir atau kecurian tidak akan dibayar ganti rugi kerana tidak dilindungi.[1]

c. Prinsip Kepentingan Boleh Diinsuranskan[1]

- Prinsip ini menekankan bahawa si diinsurans mesti mempunyai kepentingan ke atas hartanya atau nyawa yang diinsuranskan.[1]
- Ini bermaksud si diinsurans akan mengalami kerugian jika berlaku kerosakan atau kemalangan ke atas harta tersebut atau nyawanya sendiri.[1]
- Menurut prinsip ini juga, seseorang tidak boleh membeli insurans untuk melindungi nyawa atau harta orang lain yang tidak mempunyai hubungan dengannya kerana dia tidak akan mengalami kerugian akibat berlakunya sesuatu risiko itu.[1]
- Contohnya, Ali tidak boleh membeli insurans kebakaran untuk bangunan milik kawannya kerana dia tidak mempunyai kepentingan dan tidak mengalami kerugian sekiranya bangunan milik kawannya musnah.[1]

d. Prinsip Penuh Percaya Mutlak.[1]

- Prinsip ini memerlukan sikap jujur dan kepercayaan antara penginsurans dan si diinsurans dalam memberi maklumat masing-masing agar penipuan tidak berlaku.[1]
- Si diinsurans perlu memberi maklumat yang lengkap dan benar tentang harta atau nyawa yang ingin diinsuranskan.[1]
- Penginsuraans pula mesti menyatakan semua maklumat penting tentang polisi insurans dengan jelas kepada si diinsurans.[1]
- Penyembunyian maklumat dianggap sebagai pelanggaran kontrak insurans.[1] Hal ini menyebabkan perjanjian insurans terbatal dan polisi insurans boleh dimansuhkan.[1]
- Contohnya, Haris menginsuranskan bangunannya terhadap risiko kebakaran. Semasa mengisi borang cadangan, dia tidak menyatakan bangunannya menyimpan tong-tong gas yang banyak. Kebakaran berlaku namun pampasan tidak akan dibayar kerana beliau tidak memberi maklumat yang benar.[1]

Pilih mana2 3H setiap fakta. 4F + [4F x 3H] + 4C = 20M

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta